

>>Konvoi **dua** kereta dalam perjalanan ke kenduri **tahlil** terbabit nahas

HARIAN METRO

Siti Nadzirah Che Mud
am@hmetro.com.my

Machang

Tujuh sekeluarga sepatutnya menghadiri kenduri tahlil saudara di Kampung Teras, Kubang Kerian, Jumaat ini namun lain yang berlaku apabila mereka terbabit kemalangan di Jalan Kota Bharu-Kuala Krai dekat Kampung Tok Kaya, Pulau Chondong, di sini, semalam.

Kemalangan jam 3 petang itu menyebabkan tiga daripada mereka maut dan empat parah manakala kereta Proton Saga BLM yang dinaiki mereka terbakar.

Mangsa yang maut, Azizah Zakaria, 72, dari anaknya, Siti Rohani Yajid, 35, serta cucu, Mohd Zahirul Fitri Mohd Hasrul Nizam, 11.

Sementara yang cedera, suami Azizah, Yajid Ismail, 82, dan tiga lagi anak Siti Rohani yang berumur dua hingga sembilan tahun.

Menurut kakak



Tiga korban nahas berapi

■ Kenderaan dinaiki tujuh sekeluarga ke kenduri tahlil saudara kemalangan

Menurut kakak Siti Rohani, Kalsom, 40-an, mereka dalam perjalanan ke Kubang Kerian dari Sungai Saran, Jeli.

"Kami konvoi dua kereta. Siti Rohani memandu sebuah kereta manakala saya dan suami menaiki kereta lain bersama anak dan saudara.

"Ketika tiba di Bukit Bunga, kami berpisah kerana saya mahu ke bandar Machang membeli barang dan arwah meneruskan perjalanan ke Kubang Kerian.

"Saya tidak tahu mereka kemalangan sehingga menerima panggilan telefon daripada orang awam mengatakkan kereta yang dipandu Siti Rohani bertembung de-

ngan Mercedes-Benz. Ketika itu, saya berada di belakang dalam jarak beberapa kilometer.

"Memang hati saya tidak sedap ketika itu apabila melihat kesesakan jalan raya yang teruk. Tak sangka pula kesesakan itu kerana kemalangan yang babitkan mereka," katanya ketika ditemui di Hospital Machang di sini, semalam.

Sementara itu, seorang saksi yang hanya ingin di-



ORANG ramai membantu memungut barang milik mangsa.

kenali sebagai Man, 40-an, berkata, dia sempat mendengar bunyi dentuman yang kuat dan melihat kereta terbabit mengeluarkan asap.

"Saya berada di kedai de-

kat dengan tempat kejadian terus bergegas ke sana. Dengan bantuan pengguna jalan lain, kami mengeluarkan mangsa.

"Kereta sudah berasap ke-

tika itu dan paling sukar mengeluarkan pemandu kerana dia tersepit dan api mula merebak. Beberapa minit selepas semua mangsa dikeluarkan, api terus marak,"



SEORANG mangsa ditemani ahli keluarga selepas nahas.

katanya.

Menurutnya, dia bersyukur kerana sempat mengeluarkan semua mangsa daripada rentung dalam kebakaran itu.